



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

**TAHUN 2012**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Ogos**

**2 ¼ jam**

**Dua jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Disediakan oleh:  
Guru AKRAM Terengganu

Dengan kerjasama  
MPSM Negeri Terengganu

Dibiayai oleh:  
Kerajaan Negeri Terengganu

**TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU**

Dicetak Oleh:  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

*Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak*

<http://www.sukadg.com/>  
<http://edu.joshuatly.com/>  
<http://fb.me/edu.joshuatly>

**Bahagian A**

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[ 30 markah ]

Gambar rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada cara menyayangi sekolah. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara menyayangi sekolah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**Bahagian B**

[ Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

[100 markah]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Anda telah menyertai Program Motivasi yang telah dianjurkan oleh pihak sekolah. Pelbagai aktiviti diadakan, jelaskan bagaimana program tersebut telah menimbulkan kesedaran dalam diri anda untuk terus berjaya.
2. Pengukuhan institusi keluarga merupakan tunjang utama dalam membina keluarga bahagia.

Huraikan peranan ahli keluarga dalam merealisasikan institusi keluarga bahagia.

3. Dalam usaha menggalak dan mencungkil potensi murid dalam bidang sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan Dasar 1Murid 1Sukan untuk dilaksanakan di semua sekolah. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana untuk diterbitkan dalam majalah sekolah bertajuk "Faedah-faedah Pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan di Sekolah".

Tulis rencana itu selengkapnya.

4. Kesepakatan dan perpaduan dalam kalangan pemimpin dan rakyat antarabangsa mampu mewujudkan keamanan dan kemakmuran masyarakat dunia.

Ulaskan pernyataan di atas.

5. Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menerapkan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan oleh generasi muda pada hari ini.

Berikan pendapat anda.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

**TAHUN 2012**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Ogos**

**2 ½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Disediakan oleh:  
Guru AKRAM Terengganu

Dengan kerjasama  
MPSM Negeri Terengganu

Dibiayai oleh:  
Kerajaan Negeri Terengganu

**TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU**

Dicetak Oleh:  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

*Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak*

<http://edu.joshuatly.com/>  
[www.smraddg.com](http://www.smraddg.com)

<http://fb.me/edu.joshuatly> [Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang punca yang boleh menyebabkan penyakit dan kesan penyakit terhadap kehidupan manusia. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Melihat kepada cara hidup masyarakat hari ini, tidak menghairankan untuk mengaitkannya dengan fakta terkini tentang masalah penyakit tidak berjangkit atau 'non-communicable disease' seperti yang dilaporkan dalam kebanyakan kajian perubatan. Malah Ketua Pengarah Kesihatan sendiri pernah menyifatkan bahawa peningkatan yang ditunjukkan dalam statistik penyakit seperti darah tinggi, kencing manis dan obesiti amat merungsingkan.

Amalan pengambilan makanan yang tidak mengikut garis panduan piramid makanan serta tidak mengikut adab makan terbukti mengakibatkan pelbagai jenis penyakit metabolik seperti kolestrol dalam darah yang tinggi, penyakit diabetes melitus yang akhirnya membawa kepada komplikasi jantung dan strok. Makan secara berlebihan akan menjerumuskan seseorang kepada masalah obesiti. Penularan gejala obesiti dalam kalangan kanak-kanak akhir-akhir ini juga satu ancaman kepada status kesihatan. Promosi hidangan yang diadakan oleh premis-premis makanan tertentu juga ialah budaya yang semakin menular dalam masyarakat hari ini sebagaimana rancaknya promosi tekstil pada musim-musim perayaan. Promosi yang diadakan ini sedikit sebanyak akan menarik perhatian dan mempengaruhi mereka yang kuat makan.

Budaya melepak di kedai kopi atau kopitiam secara tidak langsung mendorong seseorang itu untuk berlebihan makan dan minum. Kini budaya ini bercambah dalam kalangan generasi Y. Sementara menunggu rakan untuk temu janji atau perjumpaan rakan *Facebook* dan *Twitter*, makanan akan terus dihidangkan kononnya bagi mengisi masa lapang. Walaupun budaya menonton tayangan atau siaran langsung perlawanan bola sepak hingga larut malam atau awal pagi melalui skrin gergasi mungkin ada baiknya untuk memupuk perpaduan dan semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat, namun jika pada masa yang sama dihidangkan dengan makanan dan minuman tanpa mengira batasan waktu dan kapasiti perut, amalan ini akan bakal memusnahkan diri. Tabiat makan makanan ringan atau biskut yang disediakan dalam balang di hadapan televisyen yang sering dipraktikkan di rumah juga mengundang bahaya yang sama.

Kehidupan yang banyak dihabiskan di kerusi pejabat dan meja mesyuarat turut menyumbang kepada fakta meningkatnya penyakit tidak berjangkit ini. Alasan komitmen kerja atau terlalu sibuk sehingga tiada masa terluang adalah yang sering diutarakan tanpa menyedari tabiat ini akan memakan diri satu hari nanti. Bahkan jika benar sekalipun alasan ini, aktiviti seperti berjalan baik secara biasa atau berjalan dengan lebih pantas boleh juga dilakukan di tempat kerja. Budaya segala-galanya perlu pantas sehingga mengurangkan pergerakan fizikal seperti menggunakan perkhidmatan lif daripada menggunakan tangga memang banyak kebaikannya, namun ada kalanya menunggu lif lebih lama daripada menaiki tangga. Bahkan dengan menggunakan tangga, akan membantu kesihatan jantung dan turut menguatkan otot seseorang. Oleh itu, marilah kita bersedia untuk mengubah gaya hidup kita ke arah gaya hidup yang lebih sihat demi masa depan yang lebih baik.

(Diubahsuai daripada Gaya Hidup Pendorong Penyakit  
Meningkat, Dr Irfan Mohamad, Berita Harian 21 Mei 2011)

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *amat merungsingkan*. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah seseorang dapat mengurangkan risiko penyakit semasa berada di tempat kerja? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah amalan hidup orang tua-tua dahulu yang boleh diteladani oleh generasi sekarang untuk menjamin kesihatan? [4 markah]

**Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hari itu mereka sekeluarga bermalam di rumah kebun dekat hutan simpan Pak Tua. Mak Tua dengan dibantu oleh Melati dan ketiga-tiga orang menantunya sudah pun menyiapkan hidangan makan malam yang sangat menyelerakan. Goreng ikan lais, sambal belacan, ulam pucuk lamiding, dan masak lemak pedas ikan tapa.

Malam itu, Pak Tua tidur di ruang utama dengan dikelilingi oleh cucu-cucunya sambil dia bercerita tentang kehidupan sebuah hutan rimba yang indah dan damai. Pepohonan merimbun dan kayu-kayuan menjulang perkasa ditingkah aneka tumbuhan menjalar dan melata. Bunga-bunga anggerik liar yang cantik. Pelbagai hidupan liar bebas menikmati santapan dan buah-buahan dalam hutan itu. Sebatang sungai kecil dihiasi batu-batan mengalir jernih tempat hidupan hutan menghilangkan dahaga. Semua tampak indah dan harmoni.

Pak Tua terus mendongeng sambil membelai manja seorang cucu lelakinya yang paling kecil dan sudah pun terlelap di lengannya. Sesekali Pak Tua merujuk pada nyanyian cengkerik dan aneka bunyi-bunyian unggas malam yang menghuni hutan simpan itu. Pak Tua berasa tenang dan bahagia. Dalam usia tuanya ini, setelah bergelar 'haji', suasana itulah yang ingin dinikmatinya. Suasana hutan yang asli dengan irama malamnya yang misteri. Pak Tua yakin mimpi ngeri tentang kemusnahan sebuah hutan rimba itu sudah lama berlalu.

(Dipetik daripada cerpen 'Hutan Rimba'  
oleh Sasjira dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah yang dilakukan oleh Pak Tua pada malam itu? [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kebaikan yang diperoleh sekiranya hutan rimba dijadikan sebagai hutan simpan kekal? [3 markah]
- (iii) Nyatakan **satu** latar masyarakat berdasarkan petikan cerpen di atas dan **dua** latar masyarakat berdasarkan keseluruhan cerpen tersebut. [3 markah]

**Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka perempuan itu pun minta doa kepada Allah Taala. "Ya Tuhanku, berkatilah oleh Allah engkau Syeikh, kembalikanlah aku kepada suamiku! Sudah letih benar tubuhku ini!" Maka kata Bayan, "Hai perempuan, sungguhkah engkau hendak balik kepada suamimu?" Setelah didengar oleh perempuan itu bunyi suara demikian itu, maka pada hatinya perempuan itu suara dari dalam kubur inilah. Maka kata perempuan itu, "Ya Tuhanku, hambamu hendak kembali kepada suami hambamu kerana sangat hambamu dahaga, ya Tuhanku!" Maka kata Bayan itu, "Bahawa *pekerjaanmu berbuat khianat* itu akan suamimu itu hendaklah segera engkau bertaubat, maka bertaubatlah engkau ke mari." Maka kata perempuan itu, "Demi Allah bahawasanya sudahlah hambamu kerjakan seperti kata tuan hamba itu." Maka kata Bayan itu, "Cukurlah rambutmu dahulu dan bulu keningmu sekali, maka aku mahu memulangkan engkau dengan suamimu," Maka dikerjakan oleh perempuan itu seperti kata Bayan itu.

Setelah sudah maka iapun pulanglah kepada makam itu. Maka Bayan itu pun menunjukkan dirinya kepada perempuan itu seraya katanya, "Bedebah yang tiada berbudi engkau! Inilah orang yang kena murka kerana tiada malu. Sungguhpun ia Syeikh dan wali masakan ia berkata-kata dari kuburnya, melainkan akulah yang berkata kerana aku ingin membalas pekerjaanmu dahulu itu."

(Dipetik daripada Hikayat Khoja Maimun,  
antologi Harga Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *pekerjaanmu berbuat khianat* berdasarkan petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan perkara yang disuruh oleh Bayan kepada isteri saudagar setelah mendengar pengakuannya untuk kembali kepada suaminya. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah tindakan isteri saudagar itu berusaha untuk kembali kepada suaminya dianggap wajar? Berikan dua alasan anda. [3 markah]



**Soalan 2 (d) Sajak**

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**BANGKITLAH**

Anak-anak yang sedang lena  
bangkitlah  
matahari sudah tinggi  
di puncak gunung.

Lihat jernihnya pagi ini  
burung-burung berterbangan di udara  
dan pepohon hijau merendang daunnya  
apa kau masih belum bangkit?

Bangkitlah  
jangan sesal nanti  
madu bumi yang kekeringan  
isi laut kekosongan  
dan perut belantara menjadi ladang.

Anak-anak  
esok apa yang akan kaumakan?  
tanah atau batu atau debu?  
kau mahu terus nangis  
tanpa air mata?

Kalau tidak  
bangkitlah  
matahari belum lagi rembang  
dan burung-burung belum lagi menjamah awan!

**REJAB F. I**

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

- (i) Apakah maksud rangkap terakhir sajak di atas? [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda harus segera bangkit dalam persaingan dunia kini? [3 markah]
- (iii) Huraikan tiga nilai murni yang terdapat dalam sajak ini. [3 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) setempat
- (ii) bertempat
- (iii) menempatkan
- (iv) lurus
- (v) berselurus
- (vi) melurus

[6 markah]

- (b) *Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut dan nyatakan jenisnya.*

- (i) Budak itu bukan adik Sukatini.
- (ii) Akan saya baca buku itu.
- (iii) Amboi, petah sungguh budak itu bercakap!
- (iv) Siti Zaleha sedang membaca buku.
- (v) Susun pasu-pasu bunga di tepi pagar itu.
- (iv) Sudah jelaskah hutang pinjaman perumahan Puan Asbaida?

[6 markah]

- (c) *Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan penggunaan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kawasan yang disyaki menjadi tempat bersembunyi kuncu-kuncu pemberontak itu sedang diawasi oleh pihak tentera.
- (ii) Ketua Panitia Sejarah telah mengarahkan semua guru mata pelajaran mengemaskini fail Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di bawah seliaan masing-masing.
- (iii) Setiap pelajar yang mengikuti seminar itu diminta mengecam struktur ayat yang menyalahi hukum tata bahasa.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pengajian yang dijalankan oleh pihak Jabatan Pertanian telah berjaya mengeluarkan baka pokok yang bermutu tinggi.
- (ii) Untuk memastikan yang produktiviti syarikat mereka bertambah, Encik Hasnan berjanji memberikan bonus sebagai intensif kepada para pekerjanya.
- (iii) Lukisan-lukisan yang bergayut di dinding itu menarik perhatian para pengunjung.

[6 markah]

(e) *Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa berikut. Ayat anda hendaklah dapat memberikan maksud peribahasa berikut.*

- (i) pelanduk dua serupa
- (ii) bulat kata
- (iii) retak menanti belah

[6 markah]

**Soalan 4: Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jua! ) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan dua nilai tanggungjawab dalam novel tersebut.

[ 7 markah ]

- (b) Jelaskan satu latar masyarakat yang terdapat dalam dua buah novel yang anda pelajari.

[ 8 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2012  
BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**OGOS**

**2 ¼ jam**

**Dua jam lima belas minit**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN  
UNTUK KEGUNAAN GURU / PEMERIKSA SAHAJA**

[www.smkadg.com](http://www.smkadg.com)

---

Kertas peraturan pemarkahan ini mengandungi 3 halaman bercetak

## GARIS PANDUAN KEPADA PEMERIKSA

<p><b>PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM, 2012 BAHASA MELAYU</b></p>
---

### BAHAGIAN A

*Gambar rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada cara menyayangi sekolah. Huraikan pendapat anda tentang **cara-cara menyayangi sekolah**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.*

*Diharapkan* : calon dapat menghuraikan isi/idea tentang cara-cara menyayangi sekolah.

#### **Tidak Merosakkan Harta benda Sekolah**

- menyemai sikap menyayangi harta benda sekolah
- menghargai prasarana yang disediakan
- kempen antivandalisme

#### **Mematuhi Peraturan-peraturan Sekolah**

- memberi fokus semasa pembelajaran dan pengajaran, menyempurnakan kerja sekolah serta mematuhi arahan guru
- menjaga imej dan penampilan diri
- tidak ponteng sekolah dan kelas-hadir dan pulang menepati masa
- menghormati guru, rakan-rakan dan warga sekolah

#### **Menaikkan Nama Sekolah**

- mematuhi disiplin sekolah
- mempertingkatkan pencapaian dalam akademik/peperiksaan
- bersama menggerakaktifkan aktiviti kokurikulum
- berusaha bersungguh-sungguh untuk menang dalam setiap acara pertandingan yang disertai

**BAHAGIAN B**

**Soalan 1**

1. Anda telah menyertai Program Motivasi yang telah dianjurkan oleh pihak sekolah. Pelbagai aktiviti diadakan, jelaskan bagaimana program tersebut telah menimbulkan kesedaran dalam diri anda untuk terus berjaya.

*Diharapkan* : Calon dapat menjelaskan bagaimana program motivasi telah menimbulkan kesedaran dalam diri untuk terus berjaya.

**Cadangan idea:**

- membentuk sahsiah diri supaya lebih berdisiplin
- motivasi untuk belajar lebih bersungguh-sungguh
- pengurusan masa yang sistematik
- membentuk ketahanan fizikal dan mental
- mengasah bakat kepimpinan
- menambahkan ilmu pengetahuan

2. Pengukuhan institusi keluarga merupakan tunjang utama dalam membina keluarga bahagia.

Huraikan peranan ahli keluarga dalam merealisasikan institusi keluarga bahagia.

*Diharapkan* : Calon dapat menghuraikan peranan ahli keluarga dalam merealisasikan institusi keluarga bahagia.

**Cadangan idea:**

- Ibu bapa sebagai suri teladan
- Ibu bapa menyediakan kediaman yang selamat
- Persekitaran tempat tinggal yang bersih dan ceria
- Ibu bapa menyediakan makanan berkhasiat dan seimbang
- Cakna/prihatin terhadap tahap kesihatan ahli keluarga
- Anak-anak yang bersahsiah terpuji
- peranan keluarga terdekat seperti adik-beradik, nenek, datuk dan saudara-mara

3. Dalam usaha menggalak dan mencungkil potensi murid dalam bidang sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan Dasar 1Murid 1Sukan untuk dilaksanakan di semua sekolah. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana untuk diterbitkan dalam majalah sekolah bertajuk “Faedah-faedah Pelaksanaan 1Murid 1Sukan di Sekolah”.

Tulis sebuah rencana itu selengkapnya.

**Format : Rencana**

- Tajuk - 1 markah
- Nama penulis - 1 markah

*Jika tiada format : tolak 2 markah maksimum*

**Diharapkan :** Calon dapat menulis sebuah rencana bertajuk “Faedah-faedah Pelaksanaan 1Murid 1Sukan di Sekolah”.

**Cadangan idea:**

- keterlibatan semua murid dalam aktiviti sukan
- mencungkil dan mengasah bakat serta potensi murid
- melahirkan murid yang cergas dan cerdas
- memupuk semangat setiakawan, perpaduan dan kesukanan
- sebagai satu prasyarat kemasukan ke IPT
- melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek

4. Kesepakatan dan perpaduan dalam kalangan pemimpin dan rakyat antarabangsa mampu mewujudkan keamanan dan kemakmuran masyarakat dunia.

Ulaskan pernyataan di atas.

**Diharapkan :** Calon dapat memberikan ulasan terhadap pernyataan bahawa kesepakatan dan perpaduan dalam kalangan pemimpin dan rakyat antarabangsa mampu mewujudkan keamanan dan kemakmuran masyarakat dunia.



**Cadangan idea:**

- Memperkukuh hubungan diplomatik
- kerjasama dari segi keselamatan dan pertahanan
  
- kerjasama dalam meningkatkan dan memajukan ekonomi
- kerjasama dalam memajukan bidang pendidikan dan penyelidikan
- kerjasama dalam menangani masalah kesihatan

5. Komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menerapkan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan oleh generasi muda pada hari ini.

Berikan pendapat anda.

**Diharapkan :** Calon dapat menulis pendapat tentang Komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menerapkan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan oleh generasi muda pada hari ini

**Cadangan idea:**

- nilai kerajinan-menimba ilmu pengetahuan patut dicontohi oleh murid + contoh
- nilai kegigihan-tabah dalam menghadapi sebarang cabaran + contoh
- nilai bertanggungjawab-sanggup memikul dan melaksanakan tugas sebagai seorang anak/pelajar/pelatih + contoh
- nilai kasih sayang/cinta/kasih-sanggup berkorban terhadap orang yang kita cintai + contoh
- nilai ketabahan-sanggup menghadapi pelbagai cabaran/dugaan hidup secara bijaksana + contoh

SULIT

1103/2 (PP)

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2012**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**OGOS**

**2 ½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**UNTUK KEGUNAAN GURU / PEMERIKSA SAHAJA**

---

**[www.smkadg.com](http://www.smkadg.com)**

---

Kertas peraturan pemarkahan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

1103/2 (PP)

SULIT

<http://edu.joshuatly.com/>  
<http://fb.me/edu.joshuatly>

## Soalan 1

## Pendahuluan

## Markah

Petikan membincangkan budaya / amalan hidup yang boleh meningkatkan masalah penyakit di negara ini. 2

## Isi Tersurat (4 – 12 markah) - Cara

1. amalan pengambilan makanan yang tidak mengikut garis panduan piramid makanan 2
2. tidak mengikut adab makan 2
3. makan secara berlebihan 2
4. terpengaruh dengan promosi hidangan yang diadakan oleh premis-premis makanan 2
5. budaya melepak di kedai kopi atau kopitium mendorong seseorang itu untuk berlebihan makan dan minum 2
6. budaya menonton tayangan atau siaran langsung perlawanan bola sepak hingga larut malam atau awal pagi 2
7. Tabiat makan makanan ringan atau biskut yang disediakan dalam balang di hadapan televisyen yang sering dipraktikkan di rumah 2
8. Kehidupan yang banyak dihabiskan di kerusi pejabat dan meja mesyuarat 2
9. Budaya segala-galanya perlu pantas 2

## Isi Tersirat (4 – 12 markah) - Kesan

1. meningkatkan kos hidup / perubatan 2
2. prestasi kerja merosot / produktiviti semakin berkurang 2
3. pencerobohan nelayan asing 2

## Kesimpulan

1. Semua ahli masyarakat perlu sedar akan budaya hidup yang boleh meningkat penyakit demi kesejahteraan hidup pada masa depan. 2
2. Semua anggota masyarakat perlu bertanggungjawab dalam membentuk gaya hidup kerana akan mempengaruhi kebahagiaan hidup seseorang. 2

**Soalan 2 : Pemahaman****[35 markah]**

Soalan 2(a) - Petikan Umum

- (i) Maksud *amat merungsingkan* ialah;
- sangat membimbangkan / mengganggu emosi
- 2

- (ii) Cara;
- banyakkkan berjalan secara biasa
  - berjalan dengan lebih pantas
  - menggunakan tangga / tidak menggunakan perkhidmatan lif

**[Maksimum 3 markah]**

- (iii) Amalan yang boleh diteladani;
- makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang
  - banyakkkan pergerakan fizikal, misalnya berkebun dan berjalan kaki untuk ke sesuatu tempat
  - banyak makan ulam
  - makan makanan yang ditanam sendiri
  - tidak makan makanan ringan sebaliknya makan makanan yang dimasak sendiri

Terima mana-mana isi lain yang sesuai.

**[Maksimum 4 markah]****Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**

- (i) Perkara yang dilakukan oleh Pak Tua:
- ... Pak Tua tidur di ruang tamu bersama cucu-cucunya.
  - ... Pak Tua bercerita tentang kehidupan sebuah hutan rimba.
  - ... Pak Tua membelai manja seorang cucu lelaki.
  - ... Pak Tua merajuk suara cengkerik dan pelbagai bunyi suara unggas lain.
- [Maksimum : 3 markah]**

- (ii) Pendapat; kebaikan hutan simpan kekal:
- ... flora dan fauna hutan kekal terpelihara.
  - ... Habitat asal haiwan dan tumbuh-tumbuhan tidak terancam.
  - ... Ekosistem semula jadi hutan tidak terjejas.
  - ... Sumber ekonomi masyarakat Orang Asli tidak terjejas.
  - ... Generasi muda dapat melihat, mengkaji dan mempelajari biodiversiti hutan.

**[Maksimum : 3 markah]**

- iii) Latar masyarakat berdasarkan petikan:
- ... Masyarakat yang amat mementingkan hubungan kekeluargaan dan kasih sayang, buktinya Pak Tua amat menyayangi anak, menantu dan cucunya apabila dia melayan kehadiran anak, menantu dan dua orang cucunya dengan baik sekali.
  - ... Masyarakat yang mempunyai kesedaran yang tinggi akan kepentingan melestarikan sumber hutan, buktinya Pak Tua menyimpan sebahagian tanah pusaknya sebagai hutan simpannya.
  - ... Masyarakat yang insaf dan sedar akan kesilapan yang pernah dilaluinya suatu ketika dahulu, buktinya Pak Tua insaf dan berasa yakin akan kesilapannya memusnahkan hutan rimba telah lama berlalu.

Latar masyarakat dalam keseluruhan cerpen:

- ... Masyarakat yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan yang sempurna terhadap anak, buktinya Pak Tua berjaya memberikan pendidikan yang sempurna kepada semua anaknya sehingga semuanya berjaya dalam pelajaran masing-masing.
- ... Masyarakat yang rakus dalam pemusnahan alam sekitar, buktinya Pak Tua terlibat dalam pemusnahan hidupan laut di kampungnya untuk mendapat hasil tangkapan yang banyak.
- ... Masyarakat yang bijak dalam bidang perniagaan, buktinya anak-anak Pak Tua bersepakat untuk mengusahakan hutan simpan Pak Tua sebagai salah sebuah kawasan pelancongan yang berasaskan ekopelancongan.

[Maksimun : 4 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik****Markah****(i) Maksud**

- Perbuatan /kelakuan /tingkah laku perempuan itu yang curang/  
menduakan suami 2m
- Perbuatan /kelakuan /tingkah laku perempuan itu/yang jahat 2m
- Perbuatan / kelakuan/tingkah laku perempuan itu yang khianat 1m

**[Maksimum 2 markah]****(ii) Suruhan Bayan kepada isteri saudagar**

- Bayan menyuruh isteri saudagar bertaubat
- Bayan menyuruh isteri saudagar mencukur rambutnya
- Bayan menyuruh isteri saudagar mencukur bulu keningnya

**[Maksimum 3 markah]****(iii) Wajar**

- Isteri saudagar telah berlaku curang terhadap suaminya
- Untuk mengelak daripada terus melakukan dosa/berbuat khianat kepada suaminya
- Untuk mengelak daripada berlakunya perpisahan/perceraian
- Kedudukan isteri adalah di samping suami
- Perempuan itu telah menginsafi kesalahannya

**- [Maksimum 3 markah]***[ Terima mana-mana 2 alasan lain yang sesuai ]***Catatan** : Tindakan tidak wajar **TIDAK** diterima**Soalan 2 (d) – Sajak****Markah****Jawapan:****(i) Maksud rangkap kelima sajak;**

... Generasi muda diseru agar insaf dan segera bertindak sebelum terlambat.

... juga sebelum orang lain merebut peluang keemasan yang telah tersedia itu.

**[3 markah]**

- ii) Pendapat, sebab;
- ... agar pembangunan negara berjalan lancar / tidak terbantut.
  - ... agar keselamatan dan keharmonian negara berkekalan dan sejahtera.
  - ... agar pertumbuhan ekonomi negara tidak terjejas.
  - ... agar daya pengeluaran negara sentiasa meningkat disebabkan daya produktiviti penduduk yang aktif.
- [3 markah]
- (iii) **Tiga** nilai murni:
- ... Nilai kerajinan, contohnya generasi muda diseru agar rajin berusaha demi masa depan mereka.
  - ... Nilai kesyukuran, contohnya generasi muda perlu bersyukur kerana negara ini dikurniai limpahan kekayaan hasil bumi.
  - ... Nilai cinta akan negara, contohnya generasi muda diseru untuk membangunkan negara yang tercinta agar hasil bumi negara ini tidak terlepas ke tangan orang lain.
- [3 markah]

**Soalan 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi Soalan 3(a)**

Beri **1 markah** bagi setiap ayat yang betul. Tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa** / **isi** yang tidak begitu jelas bagi keseluruhan markah jawapan.

1. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
2. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**.
3. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, **tolak  $\frac{1}{2}$  markah** bagi setiap ayat.
5. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya
7. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.
8. Sengaja menambah imbuhan atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

**Jawapan 3 (a) :**

- (i) setempat - : satu tempat sahaja, di tempat itu sendiri.  
Contoh ayat : Terdapat setempat sahaja yang sesuai untuk dijadikan kawasan tadahan hujan.  
Pembinaan rumah PPRT itu disesuaikan dengan penduduk setempat.
- (ii) bertempat - : mempunyai tempat.  
Contoh ayat : Perjumpaan itu sangat penting dan bertempat di dewan besar.
- (iii) menempatkan - : meletakkan  
Contoh ayat : Amerika Syarikat telah menempatkan tenteranya di Timor Leste.
- (iv) lurus - : tidak bengkok, tegak, benar, jujur, betul  
Contoh ayat: Jalan yang lurus dapat melancarkan perjalanan pulang ke kampung.
- (v) berselurus - : membuat sesuatu dengan jujur/berlaku lurus.  
Contoh ayat : Para pelajar sentiasa diingatkan agar berselurus apabila diberi amanah.
- (vi) melurus - : menjadi lurus  
Contoh ayat : Tiang lampu di tepi jalan itu menjadi lurus secara tidak sengaja.

[ **Maksimum : 6 markah** ]



**Jawapan 3 (b) :**

1. Ayat penyata
2. Ayat songsang
3. Ayat seruan
4. Ayat aktif
5. Ayat perintah/suruhan
6. Ayat tanya

[Maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3 (c) :****Kesalahan ejaan**

- |       |              |   |               |
|-------|--------------|---|---------------|
| (i)   | Koncu-koncu  | - | konco-konco   |
| (ii)  | mengemaskini | - | mengemas kini |
| (iii) | tata bahasa  | - | tatabahasa    |

**Kesalahan Imbuhan**

- |       |             |   |               |
|-------|-------------|---|---------------|
| (i)   | bersembunyi | - | persembunyian |
| (ii)  | seliakan    | - | seliaan       |
| (iii) | mengecam    | - | mengecamkan   |

[Maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3 (d) :**

- |       |                           |   |                        |
|-------|---------------------------|---|------------------------|
| (i)   | mengeluarkan<br>pengajian | - | menghasilkan<br>kajian |
| (ii)  | yang<br>intensif          | - | bahawa<br>insentif     |
| (iii) | bergayut<br>di            | - | bergantung<br>pada     |

[Maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3 (e) :**

(i) *pelanduk dua serupa*

Maksudnya : dua orang yang mempunyai wajah yang serupa

**Contoh ayat :** Wajah Rahmah agak serupa kerana sentiasa ditegur seperti *pelanduk dua Serupa*.

(ii) *bulat kata*

Maksud : sepakat, sehati.

**Contoh ayat :** Penduduk kampung itu *bulat kata* untuk bergotong-royong membersihkan kawasan mereka.

(iii) *retak nanti belah*

Maksud : hubungan yang bermasalah

**Contoh ayat :** Berita perceraian pasangan artis popular itu, memang telah dijangka kerana Hubungan mereka sememangnya bermasalah ibarat *retak nanti belah*.

**[Maksimum : 6 markah]**

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a) (i) Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.  
(iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan nilai tanggungjawab yang lengkap/jelas.  
(iv) Berikan 1 markah untuk huraian nilai tanggungjawab yang lengkap/jelas.  
(v) Markah isi maksimum 4 markah.  
(vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.  
(vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- [ Maksimun : 7 markah ]**

- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.  
(iii) Berikan 1 markah untuk 1 pernyataan latar masyarakat yang lengkap/jelas.  
(iv) Berikan 2 markah untuk huraian latar masyarakat yang lengkap/jelas.  
(v) Markah isi maksimum 6 markah.  
(vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.  
(vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- [ Maksimun : 8 markah ]**

**4(a) Nilai Tanggungjawab****Novel Renyah :****1. Tanggungjawab bapa terhadap anak-anak**

- ... Datuk Dolhi memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anaknya termasuk Wahi yang dijaga oleh neneknya.
- ... Albert Lee tetap meluangkan masa untuk bermesra dengan isteri dan anak-anaknya meskipun sibuk dengan perniagaan.
- ... Datuk Dolhi menghadiri majlis anugerah pendidik terbaik yang dimenangi oleh Amera walaupun dia sibuk.
- ... Datuk Dolhi memberi nasihat dan menjamin Hasnol yang terlibat dengan rasuah dan menghantar Dani ke pusat pemulihan dadah.

**2. Tanggungjawab rakyat terhadap negara**

- ... Datuk Dolhi mengamalkan Dasar Pandang Ke Timur, menggunakan kereta dan baju batik buatan tempatan serta memberi ceramah motivasi kepada usahawan muda.
- ... Amera cinta akan negara dengan mendidik anak bangsa agar menjadi insan cemerlang dan seimbang.

**3. Tanggungjawab suami terhadap isteri**

- ... Datuk Dohli menyayangi isteri-isterinya, iaitu isteri pertama, Datin Tominah dan isteri kedua, Mastura yang telah meninggal dunia.
- ... Walaupun penat dan sibuk, Datuk Dolhi tetap meluangkan masa menemani Datin Tominah menyaksikan pertunjukan Busana Islam di Hotel Merlin. Beliau juga tidak pernah melupai Mastura walaupun isteri keduanya itu telah meninggal dunia.

**4. Tanggungjawab rakan terhadap rakan**

- ... Datin Salmah dan rakan-rakannya dari kelab datin-datin bertanggungjawab memberi semangat dan nasihat kepada Datin Tominah yang berasa tertipu setelah mengetahui Datuk Dolhi berkahwin dengan Mastura.
- ... Ustaz Hashim bertanggungjawab membantu Datuk Dolhi mencari Mukhlis yang hidup dalam kedaifan di Perkampungan Sungai Bakau dan terlibat dengan ajaran songsang.

**5. Tanggungjawab pekerja terhadap majikan**

- ... Pekerja Dolhi-Albert Holding menjalankan tugas dengan amanah dan bertanggungjawab demi kemajuan syarikat.
- ... Walaupun Wahi berada di Jepun, dia tetap menyediakan kertas kerja untuk Datuk Dolhi.

**6. Tanggungjawab kakak terhadap adik**

- ... Amera menegur dan menasihati Ilham dan Dani yang masih tidak mahu bekerja dan hanya mundar-mandir.

**7. Tanggungjawab kepada masyarakat dan bangsa.**

- ... Datuk Dolhi sering memberi ceramah dan motivasi kepada usahawan muda bumiputera. supaya mereka berjaya dalam perniagaan.

**8. Tanggungjawab terhadap agama**

- ... Ustaz Hashim berusaha membanteras ajaran Islam yang menyeleweng.

( Terima mana-mana nilai lain yang sesuai )

**Novel Sutera Dalam Lukisan****1. Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa / keluarga**

- ... Bujei berusaha menyelamatkan ibunya dalam kebakaran rumah mereka meskipun tidak berjaya kerana api marak terlalu cepat dan dia dihalang oleh orang ramai daripada memasuki rumahnya yang terbakar.
- ... Adila menjaga maruah keluarga ketika berada di kampung dan berkawan dengan Bujei.

**2. Tanggungjawab sesama insan.**

- ... Wak Senen menasihati Bujei agar berhati-hati dengan Harun dan sanggup memulangkan tanah pusaka peninggalan ibu Bujei kembali yang dibeli daripada Harun kerana Bujei lebih memerlukan tanah tersebut.
- ... Samsul berusaha membersihkan nama baik Bujei, Adila dan keluarganya daripada fitnah yang dilemparkan oleh Alias.
- ... Adila mendermakan darahnya kepada Sahak yang terlibat dalam kemalangan ketika berlumba motosikal dengan Alias

**3. Tanggungjawab isteri terhadap suami.**

- ... Mak Limah mengingatkan suaminya, Sidang Saman agar tidak membelakangkan hukum syarak dalam mengendalikan harta anak yatim dan tidak terpengaruh dengan desakan Harun yang ingin memiliki tanah arwah ibu Bujei.

**4. Tanggungjawab pemimpin terhadap anak buahnya.**

- ... Sebagai ketua kampung, Sidang Saman bertanggungjawab menyelesaikan masalah yang berlaku antara Alias dengan Bujei selepas Alias merosakkan radio baharu Bujei.
- ... Sidang Saman bertanggungjawab tentang keselamatan Bujei dengan membawa Bujei balik ke rumahnya setelah dipukul oleh Harun.

**5. Tanggungjawab adik terhadap abang**

- ... Sidang Saman tidak mahu membelakangi Pak Lang Dahlan dengan mengambil keputusan sendiri apabila keluarga Alias datang merisik Adila. Dia juga mahu Adila mendapatkan persetujuan daripada ibu bapanya sebelum membuat keputusan menerima Bujei.

**6. Tanggungjawab masyarakat terhadap pemimpin**

- ... Penduduk kampung membantu Sidang Saman menjayakan majlis perkahwinan Same'ah.

**7. Tanggungjawab menjaga harta pusaka**

- ... Bujei bertanggungjawab menjaga tanah pusaka arwah ibunya daripada dirampas oleh bapa tirinya, Harun.

**8. Tanggungjawab ibu terhadap anak**

- ... Setelah kematian ayah Bujei dalam satu kemalangan yang tragis, Fatimah membawa Bujei berpindah ke kampung neneknya agar Bujei kembali bersemangat menguruskan kehidupan.

( Terima mana-mana nilai tanggungjawab lain yang sesuai )

**4(b) Latar Masyarakat****Novel Renyah****1. Masyarakat yang tabah menghadapi cabaran**

- ... Datuk Dolhi tetap tabah menghadapi pelbagai kerenah anak-anaknya yang menjatuhkan maruah keluarga dan perniagaannya, kehilangan Mastura dan kerenah Datin Tominah yang kuat cemburu.
- ... Wahi tabah menjalani kehidupan bersama dengan neneknya tanpa ibu dan ayah di samping sejak kecil.
- ... Mastura tabah menjadi isteri kedua Datuk Dolhi walaupun dituduh sebagai perempuan simpanan.

**2. Masyarakat yang cinta akan negara / patriotik**

- ... Datuk Dohli mengutamakan barangan tempatan, contohnya Limousin Saga dan baju batik Kelantan meskipun beliau mampu membeli barangan berjenama dari luar negara.
- ... Amera mendidik anak bangsa menjadi insan cemerlang dan seimbang.

**3. Masyarakat yang gigih berusaha untuk mencapai cita-cita**

- ... Datuk Dolhi gigih bekerja dan menyusun strategi untuk memajukan Dolhi-Albert Holding.
- ... Wahi gigih memajukan diri mengikuti kursus di luar negeri sehingga dia diberi kepercayaan menerajui perniagaan Dolhi-Albert Holding bagi menggantikan Datuk Dolhi.
- ... Amera gigih menjalankan tanggungjawabnya sebagai guru sehingga dia terpilih sebagai Tokoh Guru Cemerlang Negeri.

**4. Masyarakat yang sayang akan keluarga**

- ... Datuk Dolhi dan Datin Tominah sayang akan anak-anak dan berusaha menyelamatkan Hasnol, Mukhlis, Ilham dan Dani yang terlibat dengan gejala negatif.
- ... Puan Eric sayang akan keluarganya sehingga sanggup melepaskan jawatan sebagai pensyarah untuk mendidik anak-anaknya sendiri demi menjamin masa depan mereka.

**5. Masyarakat yang berani bertindak demi kebaikan.**

- ... Datuk Dolhi berani membuat keputusan melantik Wahi sebagai penggantinya dalam Dolhi-Albert Holding meskipun tidak disenangi oleh Albert Lee.
- ... Amera berani menegur Ilham dan Dani yang tidak mahu bekerja dan hanya mundar-mandir.
- ... Wahi berani berjumpa ayah Yuka untuk melamar Yuka menjadi isterinya.

**6. Masyarakat yang khianat kepada negara**

- ... Tengku Munir ingin memperoleh semua tender kerajaan yang disertai oleh syarikatnya dengan memberikan rasuah kepada Hasnol.
- ... Hasnol, seorang pegawai kerajaan sanggup menerima rasuah daripada Tengku Munir untuk kepentingan diri sendiri.
- ... Ilham menjadi pengkhianat negara kerana memburuk-burukkan kerajaan Malaysia di luar negara berkaitan aktiviti pelestarian alam sekitar.

**7. Masyarakat majmuk**

... Keluarga Datuk Dolhi mewakili bangsa Melayu, Albert Lee mewakili bangsa Cina dan Yuka mewakili bangsa Jepun.

**8. Masyarakat yang mementingkan ilmu pengetahuan.**

... Datuk Dolhi rajin membaca buku-buku pengetahuan untuk rujukan sebelum menyampaikan ceramah.  
... Datuk Dolhi sentiasa mementingkan ilmu dan pengetahuan dalam memajukan perniagaannya  
... Wahi berkursus di Jepun untuk mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan.

**Novel Sutera dalam Lukisan****1. Masyarakat yang sayang akan keluarga**

... Ibu dan nenek Bujei sayang akan Bujei sehinggakan kasih sayang tersebut menjadikan Bujei kembali segar dengan semangat dan harapan setelah kehilangan ayahnya dalam satu kemalangan jalan raya.

**2. Masyarakat yang sabar / tabah menghadapi cabaran hidup**

... Bujei sabar / tabah dengan ejekan dan penghinaan orang kampung terhadapnya, terutama daripada Alias  
... Adila sabar / tabah menghadapi fitnah yang mengatakan dia menghidap penyakit AIDS dan melakukan perkara sumbang dengan Bujei.

**3. Masyarakat yang menghormati orang lain**

... Adila amat menghormati keluarga Sidang Saman sepanjang tinggal bersama dengan keluarga bapa saudaranya itu.  
... Sepanjang perkenalan dengan Bujei, Adila melayan Bujei dengan penuh sopan. Adila memanggil Bujei dengan panggilan nama sebenarnya, Hafiz.

**4. Masyarakat yang ikhlas membantu orang lain**

... Adila ikhlas berkawan dan menolong Bujei menjadi manusia yang normal.  
... Bujei ikhlas menolong mengemas peralatan perkahwinan di rumah Sidang Saman.

**5. Masyarakat yang cinta akan negara**

... Bujei bercita-cita menjadi tentera seperti arwah ayahnya.  
... Bujei menyanyikan lagu Bahtera Merdeka, lagu yang bertemakan cinta akan tanah air.

**6. Masyarakat yang berani mengambil tindakan**

... Bujei berani tampil ke pentas untuk menyampaikan lagu yang diminta oleh seorang peminat rahsia dan membuktikan dia seorang yang normal.  
... Bujei berani menentang Alias yang selama ini sering menindasnya dan dianggap cukup berkuasa.  
... Bujei berani mempertahankan haknya dengan meminta Alias mengganti radio yang telah dirosakkannya.

**7. Masyarakat yang tolong-menolong**

- ... Orang kampung menolong Sidang Saman menjayakan majlis perkahwinan Same'ah.
- ... Bujei sering menolong orang kampung ketika kenduri-kendara.

**8. Masyarakat yang bertanggungjawab**

- ... Bujei berusaha menyelamatkan ibunya dalam kebakaran rumah mereka.
- ... Wak Senen menyerahkan semula tanah pusaka milik Bujei yang dibeli daripada Harun kerana berdasarkan undang-undang Wak Senen tidak berhak atas tanah tersebut.
- ... Mak Lamah bertanggungjawab memastikan Sidang Saman bersikap adil terhadap Bujei dan tidak membelakangkan hukum syarak dalam mengendalikan harta anak yatim.

**9. Masyarakat yang murah hati**

- ... Wak Senen sering memberikan wang kepada Bujei dan menganggap pemberian tersebut sebagai satu sedekah jariah.
- ... Adila menderma darahnya kepada Sahak yang cedera dalam kemalangan motosikal.
- ... Mak Som dan Mak Lamah sering menyediakan makanan untuk Bujei.

**10. Masyarakat yang mengenang budi**

- ... Bujei mengucapkan terima kasih kepada Adila yang telah membantu mengubah dirinya.
- ... Sidang Saman menghadihkan persembahan pancaragam kepada orang kampung sebagai mengenang jasa mereka setelah menyempurnakan majlis perkahwinan Same'ah.

**11. Masyarakat yang berdikari**

- ... Bujei berdikari selepas kematian neneknya dengan menolong orang kampung membersihkan cawan susu getah dan memungut getah sekerap untuk mendapatkan upah bagi menyara hidupnya.
- ... Bujei juga menanam sayur di halaman rumahnya setelah mendapat semangat dan dorongan daripada Adila.

**12. Masyarakat yang suka menabur fitnah dan bercakap bohong**

- ... Harun memberitahu orang kampung, Bujei yang menyebabkan rumah mereka terbakar sehingga Fatimah terkorban.
- ... Alias membohongi Bujei dengan mengatakan bahawa Adila tidak bermoral dan menghidap penyakit AIDS supaya Bujei menjauhi Adila.
- ... Alias membohongi Adila dengan mengatakan Bujei seorang yang bodoh, *moron*, berpenyakit kulit dan *maniac*.

( *Terima mana-mana latar masyarakat lain yang sesuai* )

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**